



MENGABADIKAN gambar kenangan bersama penduduk di sebuah daerah dilawati.

TEROKA SENI BUDAYA INDIA

16 siswa UPM
sertai program
kembara timba
pengalaman
baru di luar
kuliah

RENCANA

Hanafi Rashid
rencana@hmetro.com.my

Dalam mencapai tahap kebolehpasaran graduan selain memberi pendedahan kepada golongan terbabit di peringkat antarabangsa, 16 siswa Universiti Putra Malaysia (UPM) menyertai Program Kembara Seni India minggu, baru-baru ini.

Program dua minggu itu bertujuan meneroka seni reka bentuk dan budaya di India selain memberi pengalaman baru di luar kuliah kepada peserta terbabit.

Pada masa sama turut menjalinkan hubungan pendidikan dengan dua universiti iaitu Bharathidasan University, Government College Engineering dan Cochin College.

Penasihat program Ahmad Qadry berkata, ia satu pengalaman menarik dan unik bagi semua institusi terbabit apatah lagi kunjungan berkenaan julung kali diadakan.

"Di samping memberi pendedahan kepada peserta, ia juga bertujuan memupuk



BERGAMBAR kenangan di depan sebuah kuil yang menarik reka binaannya.

semangat kerjasama dan perkongsian maklumat dengan masyarakat dan institusi pendidikan dilawati.

"Program ini diharap mampu membuka mata berkenaan kepelbagaian konsep kehidupan di peringkat antarabangsa selain membantu mereka menjadi anggota masyarakat bermanfaat kelak," katanya.

Menariknya program berkenaan menjelajah ke dua negeri iaitu Tamil Nadu dan Kerala dengan lawatan tujuh daerah berbeza iaitu Chennai, Thanjavaur, Trichy, Madurai, Kodaikanal, Munnar dan Kochi.

Antara aktiviti dilakukan sepanjang lawatan termasuk menyambut pesta Pongal bersama penduduk Kampung Sengipatti,

Thanjavaur, berpeluang menonton persembahan Daksha Yaga di Kathakali Centre, lawatan ke kuil dan mengadakan perlawanan persahabatan bola sepak.

Turut dianjurkan khidmat sosial kepada penduduk antaranya memberi makan percuma kepada pengemis jalanan, membantu perkhidmatan dobi dan mengolah halia.



Program ini diharapkan mampu membuka mata berkenaan kepelbagaian konsep kehidupan di peringkat antarabangsa selain membantu mereka menjadi anggota masyarakat bermanfaat kelak.

AHMAD QADRY